

Edisi
Januari-
Oktober
2022
Discover



GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

- **TOSHIBA INTERNATIONAL FOUNDATION (2021)**

Grafik FSSR UiTM Kedah Wakil Tunggal di Asia bagi kategori 'Art & Culture'

- **CENDERA KENANGAN BATIK MERBOK**


SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM

- **RTM MEMILIH BATIK MERBOK UNTUK RANCANGAN MAJALAH TV**

- **FENOMENA PAKAIAN BUNDLE ATAU THRIFT SHOPPING DI MALAYSIA**

- **"JOM MEWARNA BATIK"**
KARNIVAL GEGAR SIHAT SENI 2022

- **JALINAN KERJASAMA BATIK MERBOK DAN PPDK MERBOK**



GALERI

- **PROGRAM empowerNCER AKADEMIK 2022:**
PROGRAM UKHUWAH RAMADAN
Penulis: Izza Syahida Abdul Karim, Shuhaila Md. Shahid, Abu Hanifa Ab. Hamid & Nazri Abu Bakar
- **“JOM MEWARNA BATIK”**
KARNIVAL GEGAR SIHAT SENI 2022
Penulis: Ts. Normaziana Hassan, Pn. Shuhaila Md Shahid & Pn. Yusnita Yusof
- **RTM MEMILIH BATIK MERBOK**
UNTUK RANCANGAN MAJALAH TV OKEY
Penulis: Ts. Normaziana Hassan & Pn. Shuhaila Md Shahid
- **LAWATAN AKADEMIK BAGI MENARIK MINAT PELAJAR**
Penulis: En. Abu Hanifa Ab. Hamid, Cik Syahrini Shawalludin, Puan Izza Syahida Abdul Karim, Pn. Shuhaila Md Shahid
- **CENDERA KENANGAN BATIK MERBOK**
SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM
Penulis: En. Zaidi Yusoff, Ts. Normaziana Hassan & Pn. Shuhaila Md Shahid
- **JALINAN KERJASAMA BATIK MERBOK DAN PPDK MERBOK**
Penulis: Pn. Shuhaila Md Shahid, Ts. Normaziana Hassan, En. Abu Hanifa Ab. Hamid & En. Ahmad Fazlan Ahmad Zamri
- **LAWATAN NAIB CANSOLOR UiTM KE UiTM CAWANGAN KEDAH**
Penulis: Pn. Shuhaila Md Shahid, Pn. Normaziana Hassan, Pn. Izza Syahida Abd Karim & En. Abu Hanifa Ab. Hamid
- **MRSM KE UiTM CAWANGAN KEDAH**
Penulis: Pn. Shuhaila Md Shahid, En. Abu Hanifa Ab. Hamid & Puan Izza Syahida Abdul Karim
- **LAWATAN “SELANGKAH KE UNIVERSITI”**
Penulis: Nurina Anis Mohd Zamri

LAPORAN FAKULTI

- **Program Kepimpinan Survival “Industrial Designers”**
Dan Mesyuarat Agung Tahunan Kelab IDESM
Penulis: Fadila Mohd Yusof dan Prof Madya Ts Dr. Azhari Md Hashim
- **Toshiba International Foundation (2021),**
Grafik FSSR UiTM Kedah Wakil Tunggal di Asia bagi kategori ‘Art & Culture’
Penulis: Dr. Faryna Mohd Khalis
- **Eksplorasi Seni Kreatif**
dalam Pembuatan Model bersama Pelajar-
Pelajar SMK Pengkalan Lebai Man
Penulis: Izza Syahida Abdul Karim, Fadila Mohd Yusof, Mohd Hamidi Adha Mohd Amin, PM Ts Dr Azhari Md Hashim
- **Bengkel Transformasi Seni Kreatif**
Bersama Murid & Guru SMK Pengkalan Lebai Man, Knowledge Transfer Program (KTP) Bersama Komuniti
Penulis: Fadila Mohd Yusof, Prof Madya Ts Dr. Azhari Md Hashim (UiTM Kedah), Roslin A. Bakar (Guru Kanan Kemanusiaan), Pn Azlina binti Sulaiman (Panitia Pendidikan Seni Visual) & En Ahmad Hariri Abdul Rahman (Guru Perpustakaan dan Media) (SMK Pengkalan Lebai Man)
- **Projek Papan Tanda**
Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Kedah
Penulis: Dr. Faryna Mohd Khalis

DISCOVER

- **‘Tribute to Frontliners’**
Penulis: Mohd Zamri Aziza
- **Karya Luar Jangka Menggunakan Aplikasi Mirror Lab**
Penulis : Mohd Hamidi Adha Mohd Amin
- **Fenomena Pakaian Bundle Atau Thrift Shopping Di Malaysia**
Penulis : Normaziana Hassan
- **Layar: Meja Mewarna Batik Galeri Batik Merbok**
Penulis: Abu Hanifa Ab. Hamid
- **Estetika : Nilai Objektif Dan Subjektif Dalam Falsafah Seni**
Penulis: Mohamat Najib Mat Noor
- **Novelty Value Through the Aesthetics of Car Design**
By: Muhamad Aiman Afiq Mohd Noor



Galeri Seni Merbok "Discover"

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi "Discover" bagi bulan Januari hingga Oktober 2022. Pembelajaran telah dijalankan secara bersemuka bermula pada tahun 2022. Oleh yang demikian, Galeri Seni Merbok, Kolej Pengajian Seni Kreatif telah menerima banyak jemputan dari sekolah-sekolah untuk membuat lawatan akademik ke Galeri.

Sehubungan dengan itu, Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah turut serta dalam program-program terutama berbentuk ilmiah, penglibatan akademik yang mendapat anugerah di dalam pertandingan bertaraf antarabangsa dan terus maju dalam mencari ruang bagi memperkasakan Kolej Pengajian Seni Kreatif.

Diharap agar Kolej ini beroleh kejayaan yang berterusan di masa-masa akan datang dan semoga bahan penerbitan ini mampu dimanfaatkan oleh seluruh warga kampus UiTM Cawangan Kedah.

SIDANG REDAKSI

Penasihat

Prof. Dr. Mohammad Abdullah Hemdi

Penasihat I

Dr. Wan Noor Faaizah Wan Omar

Ketua Editor

Izza Syahida Abdul Karim

Laman Sesawang

Syahrini Shawalludin

Reka Letak Grafik

Nurina Anis Mohd Zamri

Penerbit

Galeri Seni Merbok

Cetakan

Galeri Seni Merbok, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA
Perpustakaan Sultan Badlishah

Penulis

Izza Syahida Abdul Karim

Normaziana Hassan

Shuhaila Md. Shahid

Abu Hanifa Ab. Hamid

Nazri Abu Bakar

Mohd Hamidi Adha Mohd Amin

Mohamat Najib Mat Noor

Mohd Zamri Azizan

Dr. Faryna Mohd Khalis

Fadila Mohd Yusof

Prof Madya Ts Dr. Azhari Md Hashim

Pn. Yusnita Yusof

Syahrini Shawalludin

Ahmad Fazlan Ahmad Zamri

Nurina Anis Mohd Zamri



PROGRAM empowerNCER AKADEMIK 2022: *Program Ukhuwah Ramadan*

Penulis: Izza Syahida Binti Abdul Karim, Shuhaila Md. Shahid,
Abu Hanifa Ab. Hamid, Nazri Abu Bakar

Galeri Seni Merbok menerima para pelajar Tingkatan Lima dari sekolah-sekolah yang terpilih di wilayah Utara menerusi Program Empowerncer Akademik 2022: Program Ukhuwah Ramadan yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) kepada pihak Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Professional iCEPS, UiTM Shah Alam. Program Ukhuwah Ramadhan adalah salah satu perancangan dalam Program empowerNCER Akademik 2022 kali ini dianjurkan bertujuan untuk membawa pelajar-pelajar ini ke kampus UiTM Kedah untuk merasai suasana dan pengalaman bergelar siswazah agar ianya memberi inspirasi kepada pelajar empower ini untuk melanjutkan pelajaran selepas tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).



Program empowerNCER Akademik 2022 ini telah diadakan pada 17 dan 18 April 2022 yang mana para pelajar ini melawat di sekitar Kolej Pengajian Seni Kreatif pada jam 4 hingga 6 petang. Para pelajar diberi penerangan serta taklimat akademik mengenai Galeri Seni Merbok, bengkel serta merasai suasana pembelajaran yang diadakan di Kolej Pengajian Seni Kreatif. Diharap para pelajar ini terus maju jaya di masa hadapan.

"JOM MEWARNA BATIK"

Karnival Gegar Sihat Seni 2022

Penulis: Ts. Normaziana Hassan,
Pn. Shuhaila Md Shahid & Pn. Yusnita Yusof

Karnival Gegar Sihat Seni 2022 telah berjaya diadakan pada 29 Jun hingga 2 Julai 2022 di Permatang Buluh, Pulau Pinang. Program ini telah dianjurkan oleh Unit Kebudayaan UiTM Cawangan Kedah bersama penduduk di beberapa kampung di daerah berkenaan. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan dan antaranya ialah Bengkel "Jom Mewarna Batik".



Masa yang diperuntukkan untuk Batik Merbok dalam aktiviti ini adalah selama 2 jam. Aktiviti ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada pelbagai peringkat umur.

Dalam aktiviti mewarna ini, Batik Merbok memberi pendedahan berkaitan warna yang memainkan peranan penting dalam proses menghasilkan batik yang cantik dan indah. Pada awalnya, warna-warna semulajadi digunakan secara meluas dalam pembuatan batik, kemudian pelbagai warna telah digabung seperti campuran warna yang kontra, gelap dan cerah, dan pelbagai teknik warna diaplikasikan untuk mewarna batik. Warna yang dihasilkan dalam pembuatan batik dapat dipenuhi dengan kehendak, kreativiti dan citarasa masing-masing.



Objektif yang cuba disampaikan dalam aktiviti ini adalah memberi pengalaman kepada penggemar batik untuk merasai cara memproses dan mewarna batik dalam mempelajari teknik dalam pembuatan batik. Justeru itu, Batik Merbok telah mengambil inisiatif untuk menaikkan kembali nama batik yang semakin tenggelam. Batik yang dulunya popular dan menjadi identiti warisan masyarakat melayu kini dikhuatiri makin pupus ditelan masa.



RTM MEMILIH BATIK MERBOK *untuk rancangan majalah TV Okey*

Penulis: Ts. Normaziana Hassan & Pn. Shuhaila Md Shahid



Selebriti Faizal Zain telah menemuramah Pengurus Batik Merbok, Ts. Normaziana Hassan

Batik Merbok telah menjadi pilihan RTM dalam usahasama untuk rancangan Majalah TV “#HD” 30 minit x 13 Episod untuk saluran TV Okey, RTM. Penggambaran ini dijalankan pada 11 April 2021 yang lalu yang merupakan sebuah rancangan majalah idea deco yang menggabungkan konsep travelog dan ubah suai ruang. Ubah suai ini mengambil inspirasi daripada idea, motif dan elemen Batik Merbok.



Demo lakaran rekaan motif Batik Merbok



Sesi penggambaran



Penerbit Eksekutif & Selebriti mewarna Batik

Lawatan ini telah dikunjungi oleh Penerbit Eksekutif iaitu Puan Suhaini Abdul serta pereka dalaman Selebriti Faizal Zain sebagai pengacara program. Batik Merbok pula telah diwakili oleh Pengurus Batik Merbok iaitu Ts. Normaziana Hassan. Dalam penggambaran yang mengambil masa selama 2 jam, Batik Merbok banyak berkongsi tentang idea asal serta elemen yang cuba diketengahkan oleh pihak UiTM. Produk yang telah dihasilkan begitu mendapat perhatian penganjur program. Mereka juga telah membuat tempahan batik untuk dijadikan produk dekorasi ruang.

Justeru itu, objektif program ini adalah untuk memberi inspirasi kepada masyarakat Malaysia yang gemarkan hiasan dalaman untuk menggunakan elemen Batik Merbok di dalam rekaan dekorasi mereka.

LAWATAN AKADEMIK

Bagi Menarik Minat Pelajar

Penulis: En. Abu Hanifa Ab. Hamid, Cik Syahrini Shawalludin,
Puan Izza Syahida Abdul Karim, Pn. Shuhaila Md Shahid

Pada 11 Ogos 2022, Khamis, 2 sekolah yang terletak di negeri Kedah telah memilih UiTM Cawangan Kedah untuk lawatan akademik. Tujuan utama lawatan akademik ini adalah untuk memperkasakan hubungan dan kerjasama akademik sekolah bersama universiti serta memberi pendedahan luas berkaitan halatuju pelajar. Sekolah yang terlibat adalah Maahad Al Iman Li Ulumul Quran, Kampung Pantai Cicar, Kuala Ketil. Lawatan terdiri dari 41 orang pelajar tingkatan 4 dan 5, serta 5 orang guru pengiring.



Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Sofiah, dari Alor Setar, Kedah juga turut serta dalam lawatan akademik ini. Lawatan dari sekolah ini pula diwakili oleh 95 pelajar dan 5 orang guru pengiring. Pada awalnya aktiviti ini didedahkan dengan sesi taklimat akademik yang diadakan di Dewan Perdana, seterusnya pelawat bergerak ke Perpustakaan Sultan Badlishah untuk merasai suasana belajar di Universiti.



Lawatan sambil belajar merupakan aktiviti yang sangat menyeronokkan dan paling ditunggu-tunggu oleh murid-murid, tidak kira di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Di akhir program, pelajar dibawa ke Galeri Seni Merbok untuk melawat dan melihat hasil karya pelajar dari program Diploma dan Ijazah Seni Reka Perindustrian serta Seni Reka Grafik dan Media Digital dari Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah.



Program lawatan ini dapat membantu murid-murid untuk menimba ilmu pengetahuan yang berbeza daripada pembelajaran di dalam kelas. Selain itu, pelajar dapat mengembangkan minda, pengetahuan dan pengalaman serta menanam minat dalam seni kreatif serta mengasah bakat yang ada.



CENDERA KENANGAN BATIK MERBOK

Sempena Istiadat Konvokesyen Uitm

Penulis: En. Zaidi Yusoff, Ts. Normaziana Hassan & Pn. Shuhaila Md Shahid



Pada tarikh 14 Jun 2022, produk Batik Merbok telah terpilih sebagai cendera kenangan utama sempena Istiadat Konvokesyen UiTM kali ke-93 baru-baru ini. Cendera kenangan ini telah dihadiahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Hajj.

Selain itu, Cendera kenangan juga turut dihadiahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin.



Sepersalinan kain pasang Batik Merbok beserta kotak kayu menjadi pilihan cendera kenangan ini. Motif dan tema yang dipilih bersesuaian dengan nama jolokan Kedah, negeri jelapang padi, yang melambangkan kampus UiTM yang terletak di negeri Kedah.

Motif padi telah dijadikan sebagai motif utama di dalam penghasilan batik ini. Butir-butir padi disusun dan diolah menjadi satu olahan atau susunan reka corak yang amat menarik. Kehijauan dan kekuningan padi adalah lambang kesuburan dan kemewahan. Justeru itu, motif padi ini dipilih kerana secara keseluruhannya ia adalah melambangkan kemurahan rezeki serta kemakmuran.

Seterusnya, penggabungan dan kombinasi motif bakau, burung merbok dan ukiran melayu lama telah dikomposisikan menjadi satu reka corak yang menceritakan tentang kepentingan flora dan fauna yang amat sinonim dengan kehidupan seharian orang-orang melayu yang boleh diteladani dengan sifat-sifat semula jadinya.

Manakala kotak rekaan eksklusif menggabungkan elemen yang terdapat pada pokok padi – batang, daun serta buah padi. Ciri tumbuh-tumbuhan, geometri dan kaligrafi juga digunakan secara meluas sebagai elemen asas alam seni ukiran dalam masyarakat Melayu.

Cendera kenangan ini telah mendapat perkenan Tuanku Canselor selepas istiadat berlangsung. Harapan Batik Merbok agar terus maju dalam mengembangkan bidang tekstil ini sehingga ke peringkat yang lebih tinggi seterusnya ke peringkat dunia.



Rekaan kotak kayu Cendera kenangan ini dihasilkan dari Teknik engraved pada kayu plywood.

JALINAN KERJASAMA BATIK MERBOK DAN PPDK MERBOK

Penulis: Pn. Shuhaila Md Shahid, Ts. Normaziana Hassan,
En. Abu Hanifa Ab. Hamid & En. Ahmad Fazlan Ahmad Zamri



Pada 5 Julai 2022 hari Selasa, Batik Merbok telah mengadakan lawatan kerja ke Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Merbok (PPDK) yang terletak di Pekan, Merbok, Kedah. Terdapat dua program yang disediakan di sana iaitu terdiri daripada latihan pengurusan diri, latihan bekerja, latihan asas terapi berkuda, latihan asas terapi renang, pembelajaran asas komunikasi dan lain-lain lagi.

Program yang menjadi tarikan pada Batik Merbok ialah program batik canting dan kraftangan yang menjadi aktiviti utama di pertubuhan ini. Program ini ditubuhkan bertujuan bagi penempatan pekerja pelatih yang

berkebolehan tinggi untuk bekerja. Aktiviti ini berjaya menarik minat Batik Merbok untuk berkolaborasi dalam penghasilan batik dan penghasilan produk kraftangan hasil dari produk batik.

Semasa lawatan kerja dan penanda aras di PDK, pihak kami telah berbual panjang bersama Puan Liza, yang merupakan tenaga pengajar di PDK yang melatih pelatih menghasilkan batik. Beliau begitu berharap untuk menjalinkan kerjasama dengan Batik Merbok dalam berkongsi kepakaran bagi membangunkan projek ini. Dalam usaha PDK membangunkan pelajar-pelajar kurang upaya, sekaligus mereka dapat menjana pendapatan persatuan dan membina jati diri dalam menjalani kehidupan secara berdikari. Tambah beliau, usaha murni dan kerjasama ini diharapkan dapat berterusan demi mengembangkan kebolehpasaran produk bagi mencapai objektif PDK.



LAWATAN NAIB CANSOLOR UiTM

Ke Uitm Cawangan Kedah

Penulis: Pn. Shuhaila Md Shahid, Pn. Normaziana Hassan,
Pn. Izza Syahida Abd Karim & En. Abu Hanifa Ab. Hamid

Pada 17 Oktober 2021, Galeri Seni Merbok dan Galeri Batik Merbok, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Cawangan Kedah telah menerima kunjungan hormat daripada Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM. Beliau telah diiringi Oleh Prof. Ts. Dr. Nor Hayati Saad, Penolong Naib Canselor (Strategi) UiTM.

Ketibaan ke Galeri pada jam 11.30 pagi dan disambut meriah oleh kakitangan, Ketua Pelajar serta siswa dan siswi UiTM Cawangan Kedah. Beliau sangat teruja melihat pameran dari hasil kerja pelajar yang dipamerkan di dalam Galeri. Antara pameran yang sedang berlangsung ialah hasil seni pemenang-pemenang dalam pertandingan Rupa Peristiwa yang dianjurkan oleh pihak fakulti. Selain itu, hasil seni terbaik daripada pelajar juga dipilih untuk dipamerkan kepada orang ramai.



Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM Dan Prof. Ts. Dr. Nor Hayati Saad, Penolong Naib Canselor (Strategi) UiTM melakukan aktiviti mewarna batik di dalam galeri



Sesi lawatan ke Galeri Seni Merbok



Sesi lawatan ke Galeri Seni Merbok

Selepas selesai lawatan di Galeri Seni Merbok, Naib Canselor diiring oleh Rektor untuk melawat produk Batik Merbok yang merupakan salah satu produk UiTM Cawangan Kedah yang manjana pendapatan universiti. Beliau diberi taklimat ringkas berkaitan keistimewaan motif batik Merbok yang dihasilkan dari flora dan fauna yang terdapat di kawasan Merbok. Motif ini cuba diketengahkan supaya mendapat perhatian peminat-peminat batik di seluruh dunia. Hasil kunjungan ini, beliau telah membuat tempahan 2 persalinan batik untuk dijadikan koleksi beliau.

Setelah lawatan tamat, beliau dijemput menikmati hidangan makan tengah hari di Foyer Fakulti. Jamuan makan ini juga menayangkan video Korporat Proses Pembuatan Batik Merbok.



Prof. Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM memerhati keistimewaan motif Batik Merbok

MRSM KE UiTM CAWANGAN KEDAH

Penulis: Ts. Normaziana Hassan & Pn. Shuhaila Md Shahid

Galeri Seni Merbok telah menerima kunjungan dan lawatan sambil belajar dari pelajar Kelab Seni Kreatif, Maktab Rendah Sains Mara, Merbok pada 24 Mei 2022. Lawatan ini dihadiri oleh 2 orang guru pengiring bersama 40 orang pelajar Maktab. Kira-kira jam 3.00 petang, para pelajar tiba ke Galeri dan kehadiran mereka disambut baik oleh para pensyarah dan AJK Galeri. Beberapa aktiviti telah dirancang bagi memastikan objektif lawatan ke fakulti ini tercapai.

Antaranya adalah lawatan ke Galeri Seni Merbok dan Galeri Batik Merbok, seterusnya melawat studio pembelajaran dan pengajaran pelajar diploma dan ijazah, makmal komputer, bengkel Jabatan Seni Reka Perindustrian dan akhir sekali aktiviti yang mencabar minda iaitu Aktiviti Minda (Straw Tower). Para pelajar begitu teruja dapat merasai suasana berada di universiti sambil menimba ilmu pengetahuan hasil dari lawatan ke Fakulti ini.



Selain lawatan, pelajar juga telah diuji untuk menjawab soalan yang telah disediakan oleh guru mereka. Dalam masa yang sama juga, pelajar dapat mempelajari jenis koleksi yang dipamerkan termasuk nama-nama artis/pensyarah seni yang mempamerkan hasil nukilan mereka.

Menurut Puan Nor Faradila bt. Fabil, Guru Seni di MRSM Merbok, beliau sangat berbesar hati kerana anak didiknya telah diberikan banyak pendedahan dan perkongsian ilmu serta



perkongsian ilmu serta kepakaran daripada pensyarah dan AJK Galeri walaupun masa yang diperuntukan begitu singkat. Beliau bercadang akan mengatur lagi lawatan buat kali kedua bagi membakar semangat anak-anak didiknya dalam bidang seni kreatif. Beliau percaya bidang seni ini mampu membuka minda pelajar sekaligus boleh mengembangkan bakat artistik mereka.

LAWATAN “SELANGKAH KE UNIVERSITI”

Di Galeri Seni Merbok

Penulis: Nurina Anis Mohd Zamri

Galeri Seni Merbok telah menerima kunjungan dan lawatan sambil belajar dari sekolah di Terengganu. Pada 6 September 2022, Selasa, seramai 54 orang pelajar Tingkatan 5 bersama 6 orang guru pengiring daripada SMKA Dato Haji Abbas telah memilih UiTM Cawangan Kedah untuk lawatan “Selangkah Ke Universiti”. Perkongsian “Selangkah Ke Universiti” ini memberi fokus yang lebih

kepada pendedahan berkenaan bidang-bidang yang boleh mereka ambil terutamanya bidang yang ditawarkan oleh Universiti Teknologi Mara (UitM) dan peluang pekerjaan yang berkaitan.



Pada awalnya aktiviti ini didedahkan dengan sesi taklimat akademik, seterusnya para pelajar dan guru bergerak ke Perpustakaan Sultan Badlishah untuk merasai suasana belajar di universiti. Para pelajar dibawa ke Galeri Seni Merbok untuk melawat dan melihat hasil karya beberapa pengkarya dan pelajar dari program Diploma dan Ijazah Seni Reka Perindustrian serta Seni Reka Grafik dan Media Digital dari Kolej Pengajian Seni di akhir lawatan.

Daripada lawatan ini, pengetahuan mereka berkaitan bidang-bidang yang ada di universiti akan lebih berkembang dan ini memudahkan mereka membuat pilihan yang mereka minat. Selain itu, para pelajar akan didedahkan lagi dengan lebih banyak pekerjaan yang berkait rapat dengan bidang seni.



PROGRAM KEPIMPINAN SURVIVAL "INDUSTRIAL DESIGNERS" *Dan Mesyuarat Agung Tahunan Kelab IDESM*

Penulis: Fadila Mohd Yusof dan Prof Madya Ts Dr. Azhari Md Hashim, (UiTM Kedah)

Inisiatif program ini adalah bertujuan untuk menjalinkan hubungan silaturahim antara pelajar dan pensyarah, dengan harapan untuk menyemarakkan rasa komitmen yang tinggi dalam diri para pelajar untuk menghadapi tugas akademik dan bukan akademik yang diamanahkan. Program ini telah dihadiri oleh 106 para pelajar dari program Diploma dan Ijazah Seni Reka Perindustrian. Aktiviti yang dilaksanakan ini sedikit sebanyak dapat memupuk sifat-sifat nilai murni di kalangan pelajar dan mengeratkan lagi hubungan antara pelajar senior dan junior dengan mewujudkan sifat setia kawan, mendedahkan para pelajar untuk memupuk semangat dan keyakinan (self-branding) dan mewujudkan suasana positif semasa keberadaan di universiti. Aktiviti ini juga melahirkan nilai-nilai IDART yang diketengahkan oleh universiti dikalangan pelajar, yang diantaranya adalah ilmu, disiplin, amanah, rajin dan tanggungjawab.



Turut berlangsung Annual Grand Meeting ataupun perjumpaan tahunan kelab merupakan satu program yang wajib dijalankan bagi setiap kelab di UiTM Kedah. Tujuan untuk mengadakan mesyuarat tahunan ini khususnya untuk menyemai dan memupuk prinsip, kaedah dan kemahiran kepimpinan di kalangan pelajar, di samping untuk bersuai kenal antara pelajar “junior” dan “senior” serta para pensyarah. Inisiatif dan usaha para pensyarah menubuhkan kelab atau persatuan yang dipimpin, dianggotai dan digerakkan oleh para pelajar akan memberikan impak yang lebih besar kepada penyemarakkan aktiviti kelab sebagai sebahagian daripada program pembelajaran di fakulti, apabila pengetahuan, kesungguhan dan kemahiran para pelajar untuk memimpin, mengurus dan mengoperasikan kelab yang ditubuhkan itu dipertingkatkan secara bersepadu dan berterusan.



Oleh itu, penganjuran program kepimpinan ini adalah medan terbaik untuk pelajar membentuk keterampilan diri yang lebih unggul dan cemerlang. Pelajar lebih bersikap terbuka dan gemar untuk menyertai inisiatif program yang direncanakan oleh pihak fakulti dalam membantu pelajar menjadi seorang manusia yang lebih baik.

Sesungguhnya jika usaha ini diperkasa dan dilaksanakan dengan efisien, generasi muda kita akan bebas dari dibelenggu masalah sosial serta melonjak kemampuan masyarakat tempatan untuk menjadi komuniti madani. Semoga iltizam dalam membawa diri, masyarakat dan juga negara kita untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara lain dapat dihasilkan dan memberi manfaat kepada kesejahteraan hidup rakyat sejangat.



TOSHIBA INTERNATIONAL FOUNDATION (2021) Grafik FSSR UiTM Kedah

Wakil Tunggal di Asia bagi kategori Art & Culture

Penulis: Dr. Faryna Mohd Khalis

Toshiba International Foundation (TIFO) telah mula bertapak pada tahun 1989 dengan objektif untuk bertukar-tukar pandangan dan fahaman antarabangsa melalui kajian yang dijalankan. Kajian-kajian ini akan menjadi platform komunikasi dua hala antara negara-negara yang terlibat. Selain Asia, negara Eropah dan Amerika turut tersenarai dalam penerima grant Toshiba dengan topik kajian masing-masing yang pastinya telah berjaya menarik minat penaja iaitu TIFO dari Jepun.

Sebagai pensyarah di institusi pengajian tinggi, adalah menjadi kriteria utama untuk membuat kajian seterusnya mendapatkan grant untuk membiayai kos menjalankan kajian tersebut. Bukan sesuatu yang mudah untuk mendapatkan sesebuah grant, ia memerlukan persiapan rapi dari segi penulisan kertas kerja yang berkualiti, objektif kajian yang jelas, cara pelaksanaan, impak kepada masyarakat dan pastinya topik yang menepati tema atau kehendak penaja. Terdapat banyak faktor perlu diambil kira. Begitu juga dengan penghasilan kertas kerja yang bagus, ahli kumpulan turut memainkan peranan penting untuk memberi sumbangan input, idea dan kerjasama dalam kumpulan.



Tahun 2021 membawa tuah kepada UiTM Kedah yang diketuai oleh Dr. Faryna Mohd Khalis bersama ahli kumpulan dari fakulti yang sama iaitu Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka dari Jabatan Grafik dan Media Digital, Dr Shafila Subri, En Abdullah Kula Ismail dan Pn Atikah Adnan, manakala Prof. Madya Dr. Mohd Rizaimy Mohd Shaharudin daripada Fakulti Pengurusan Perniagaan, dan Pn Syazlyati Ibrahim dari

Akademi Pengajian Bahasa telah mendapat grant bernilai RM46,153 bertajuk 'A Meeting of Two Worlds: Japanese Anime Influence in Malaysian Character Design'. Apa yang lebih membanggakan, UiTM Kedah merupakan satu-satunya universiti di Malaysia dan Asia yang berjaya memenangi grant bagi kategori Seni dan Budaya daripada Toshiba International Foundation untuk tahun 2021.

Art and Culture

TIFO supports exhibitions of Japanese arts and culture held at museums and galleries, and other activities that introduce Japanese arts and culture to communities outside Japan.

The Americas Europe Asia Japan

The Americas Europe, Middle East And Africa Asia and Oceania Japan

The projects shown on this page are those that were awarded grants at the start of the fiscal year. Their schedules and completion will be affected by circumstances, particularly the impact of the coronavirus, and some may be modified or rescheduled.

2021

The Americas **Morikami Museum and Japanese Gardens**
Morikami Museum Japanese Traditional Music Program

Europe **National Museum of Krakow, Poland**
Exhibition "HOKUSAI. Wandering... Woodblock prints from the Collection of the National Museum in Krakow"

Europe **Ashmolean Museum, Oxford University, UK**
Exhibition "TOKYO: Art & Photography"

Europe **Museum Rietberg Zurich, Switzerland**
Symposium on the exhibition 'Love, Fight, Feast – The art of story-telling in Japan'

Asia **Universiti Teknologi MARA**
A Meeting of Two Worlds: Japanese Anime Influence in Malaysian Character Design

Japan **Society For Future Japanese Education**
What to learn from 3.11 Tohoku earthquake and tsunami—Toward the publication of the "Japanese-English Bilingual Easy Japanese" booklet

Japan **Shimane International Exchange Committee**
Shimane Reception Desk for Overseas Researcher

Japan **Oyama Pilgrimage History Promotion Committee**
Sharing Edo Culture with an International Audience Through the Oyama Pilgrimage

Japan **Team D.I.**
Multilingual Civic Media Project "Japan is Your Land"

Japan **Executive Committee of Blue & Green Art Project**
Blue & Green Art Project 2021

Japan **The 14th Asian International Youth Film Festival Executive Committee**
14th Asian International Youth Film Festival


Japan **Japan Trad Innovators Committee**
Japanese Music for the world

Japan **Japanese Culture Promotion and Management**
Japanese Traditional Music Workshops Phase 2: Focus on Okinawa—Introducing koto and shakuhachi in bi-cultural and US military schools of Okinawa

Japan **KATARIBE World Network**
International KATARIBE Workshop

Japan **Polish Kyudo Association**
Kyudo - Japanese archery as a versatile way of unit and society development and carrier of attractiveness of Japanese culture and values to modern societies.

Ini merupakan percubaan kali pertama, dan keputusan untuk menghantar permohonan juga agak lewat kerana kurang keyakinan dan motivasi disebabkan kerap mendengar desas-desus kesukaran mendapatkan grant ini. Tetapi atas desakan dan dorongan kawan-kawan kerana tiada apa yang merugikan dengan menghantar borang permohonan, maka usaha tetap diteruskan. Ia mengambil masa seminggu dengan kerjasama semua ahli kumpulan untuk menyediakan kertas kerja, tidak meletakkan harapan tinggi dan sekadar mencuba nasib, namun dengan izin Allah rezeki berpihak kepada kumpulan ini. Pengajaran juga tentang rezeki, sebelum mengalah, kita patut mencuba kerana kita tidak tahu rezeki yang Allah telah disusun untuk kita. Semoga kajian dan projek ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berakhir seperti yang dirancang iaitu pameran bertajuk TOSHIBA-UiTM Comic Design Exhibition 2022 pada bulan Mac, InshaAllah.



Eksplorasi Seni Kreatif dalam Pembuatan Model

Bersama Pelajar-Pelajar SMK Pengkalan Lebai Man

Penulis: Izza Syahida Abdul Karim, Fadila Mohd Yusof,
Mohd Hamidi Adha Mohd Amin, PM Ts Dr Azhari Md Hashim




Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Kedah telah bersetuju dan menghadiri jemputan dari pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Lebai Man bagi mengadakan Program Bengkel Knowledge Transfer Programme (KTP), Transformasi Seni Kreatif Bersama para murid dan Guru SMK Pengkalan Lebai Man yang diadakan pada 18 Julai 2022 jam 9 pagi hingga 12.30 tengah hari yang bertempat di sekolah tersebut yang disertai oleh 56 pelajar Seni Visual bersama-sama dengan 8 pensyarah Kolej Pengajian Seni Kreatif & APB UiTM Kedah. Program ini dianjurkan sebagai persediaan para pelajar bagi menghadapi peperiksaan SPM beserta meningkatkan ilmu pengetahuan dan tranmisi dalam mendedahkan eksplorasi estetika lakaran asas serta pembuatan model dalam aktiviti pendidikan pelajar sekolah terhadap kemahiran seni visual.

Bermula dengan pengenalan kepada Kolej Pengajian Seni Kreatif dari PM Ts Dr Azhari Md Hashim, program diteruskan dengan sesi Eksplorasi Seni Kreatif dalam Pembuatan Model bersama-sama dengan pelajar dan fasilitator. Para pelajar diberikan taklimat ringkas mengenai informasi projek beserta dengan kit pembuatan model.

Pelajar bekerjasama secara berkumpulan bagi menghasilkan Handphone Holder menggunakan kotak PVC. Ekplorasi dari segi idea yang dicetuskan hasil dari perbincangan serta pemilihan pelajar yang dibantu oleh Fasilitator. Perkongsian ilmu dari segi teknik asas bagi menghasilkan Handphone Holder yang berjaya. Hasil daripada pembuatan model tersebut dikongsi bersama pelajar di akhir program.





Semoga dengan sesi perkongsian ilmu ini dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan tranmsi dalam mendedahkan eksplorasi estetika lakaran asas serta pembuatan model dalam aktiviti pendidikan pelajar sekolah terhadap kemahiran seni visual dan sebagai persediaan awal pelajar bagi menghadapi peperiksaan SPM.

Bengkel Transformasi Seni Kreatif bersama Murid & Guru SMK Pengkalan Lebai Man Knowledge Transfer Program (KTP) *bersama komuniti*

Penulis: Fadila Mohd Yusof dan Prof Madya Ts Dr. Azhari Md Hashim (UiTM Kedah) Roslin A. Bakar (Guru Kanan Kemanusiaan), Pn Azlina binti Sulaiman (Panitia Pendidikan Seni Visual), En Ahmad Hariri Abdul Rahman (Guru Perpustakaan dan Media) (Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Lebai Man)



Satu aktiviti di bawah Program Pemindahan Ilmu atau Knowledge Transfer Program (KTP) telah diadakan dengan jayanya dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Lebai Man pada 18 Julai 2022 bertempat di SMK Pengkalan Lebai Man, Sungai Petani. Program yang dinamakan 'Bengkel Transformasi Seni Kreatif' bertempat di SMK Pengkalan Lebai Man adalah dibawah anjuran Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah dibawah pengurus projek Puan Fadila Mohd Yusof serta ahli-ahli kumpulan yang terdiri dari staf akademik Kolej Pengajian Seni Kreatif dan Jabatan Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Kedah. Program ini juga melibatkan kerjasama dengan UiTM-Toshiba Comic Project 2022.

Bengkel Transformasi Seni Kreatif (KTP) ini bermatlamat untuk membantu murid terutamanya dalam menarik minat murid-murid untuk mendalami ilmu pendidikan seni visual secara teratur dan terarah. Objektif program ini juga memberi pendedahan kepada murid sekolah agar dapat membuka mata mereka akan kepentingan mata pelajaran seni untuk membantu mereka meneruskan langkah ke alam kerjaya dan masa depan yang baik. Ia juga dapat memupuk minat murid untuk belajar seni dan mengembangkan bakat dan daya kreativiti murid dalam bidang seni visual.

Satu aktiviti di bawah Program Pemindahan Ilmu atau Knowledge Transfer Program (KTP) telah diadakan dengan jayanya dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Lebai Man pada 18 Julai 2022 bertempat di SMK Pengkalan Lebai Man, Sungai Petani. Program yang dinamakan 'Bengkel Transformasi Seni Kreatif' bertempat di SMK Pengkalan Lebai Man adalah dibawah anjuran Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah dibawah pengurus projek Puan Fadila Mohd Yusof serta ahli-ahli kumpulan yang terdiri dari staf akademik Kolej Pengajian Seni Kreatif dan Jabatan Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Kedah. Program ini juga melibatkan kerjasama dengan UiTM-Toshiba Comic Project 2022.

Program yang berlangsung selama separuh hari melibatkan 8 orang staf akademik UiTM Cawangan Kedah yang melibatkan seramai 50 orang pelajar tingkatan empat dari sekolah SMK Pengkalan Lebai Man. Program dimulakan pada jam 9.00 pagi dengan ucapan wakil pihak sekolah iaitu Puan Sofiah binti Ishak selaku Penolong Kanan Pentadbiran. Seterusnya, ucapan mewakili pihak anjuran Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah oleh Profesor Madya Ts. Dr. Azhari Md Hashim selaku Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri. Majlis diteruskan lagi dengan taklimat tentang pilihan kerjaya dan masa depan pelajar oleh Yang Berusaha Profesor Madya Ts. Dr. Azhari Md Hashim. Seterusnya program disusuli pula dengan aktiviti dari Jabatan Seni Reka Perindustrian dengan aktiviti 'Model Making'. Manakala aktiviti seterusnya disusuli oleh aktiviti dari Jabatan Grafik dan Media Digital dengan aktiviti 'Character Design'.

Para staf akademik Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah dibawa melawat pameran di galeri sekolah, pusat kaunseling dan pusat sumber serta lain-lain kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah kepada pelajar. Pihak pengurusan sekolah di dalam proses menyiapkan dokumentasi untuk pertandingan peringkat kebangsaan yang melibatkan kemudahan dan jaringan sekolah bersama institusi pengajian tinggi setempat yang mana program ini adalah satu inisiatif yang diadakan untuk mencapai matlamat tersebut.

Pelaksanaan program ini sebenarnya membantu memberi panduan dan celik seni, dan mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi, imaginatif, kritis, kreatif dan inventif terhadap pelajar yang mana majoriti dari pelajar yang terlibat akan mengambil peperiksaan kertas seni untuk SPM yang akan datang. Diharapkan program pemindahan ilmu ini akan memberi manfaat kepada pelajar yang majoritinya pelajar tingkatan 4 untuk dicapai melalui proses penerokaan, memperoleh pengalaman dan ekspresi secara tidak langsung dalam pemantapan bidang seni.



PROJEK PAPAN TANDA


Kolej Pengajian Seni Kreatif Uitm Kedah

Penulis: Dr. Faryna Mohd Khalis



Gambar pelajar dan pensyarah bersama papan tanda yang telah diletakkan di ruangan foyer berdekatan pintu masuk Galeri Seni Merbok UiTM Kedah


Pada Jun 2022 yang lalu, Kolej Pengajian Seni Kreatif melalui subjek elektif Taipografi (Kod ADE412) telah membuat satu projek papan tanda dengan penggunaan taipografi yang terpilih. Bagi menyesuaikan dengan latar belakang pelajar bagi kursus Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Perindustrian, satu inisiatif telah diambil dengan mencetuskan idea membuat papan tanda untuk tugas akhir pelajar yang perlu disiapkan secara berkumpulan dengan ketinggian 5 kaki. Tugas ini dilihat bertepatan dengan kursus yang diambil oleh pelajar Seni Reka Perindustrian yang sememangnya tidak kekok membuat tugas di bengkel dengan menggunakan peralatan-peralatan dan mesin yang agak berisiko jika tidak tahu cara penggunaannya.



Proses Penghasilan Papan Tanda Kolej Seni Kreatif

Proses penghasilan papan tanda ini mengambil masa selama 2 bulan merangkumi beberapa aspek rekaan dan proses seperti rujukan, lakaran, 3D modelling dan lain-lain lagi. Seramai 18 pelajar terlibat dalam projek ini yang diketuai oleh Dini Sofia dengan bimbingan pensyarah yang mengajar subjek tersebut iaitu Dr. Faryna Mohd Khalis. Skop tugas produksi pelajar diberikan kepada beberapa bahagian iaitu penulisan kertas kerja, pengiraan bajet, setiausaha, kerja-kerja bengkel seperti pemotongan kayu, cat, dan acrylic. Projek ini dianggarkan menelan belanja sekitar RM250 untuk pembelian bahan-bahan yang digunakan iaitu papan plywood, acrylic, cat dan spray.

Papan tanda ini telah diletakkan di ruangan foyer bersebelahan pintu masuk Galeri Seni Merbok, Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Kedah. Pensyarah bagi kod subjek elektif Taipografi ini juga berharap agar banyak lagi projek seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang. Kesesuaian dengan latar belakang kursus pelajar dilihat bukan sahaja memenuhi kriteria tugas subjek dan silibus tersebut, malahan ilmu yang ada dapat dimanfaatkan sebaiknya justeru hasilnya boleh digunapakai sebagai simbol kepada kejayaan subjek yang diajar.



Hasil 3D Modelling dan pilihan warna

'TRIBUTE TO FRONTLINERS'

Penulis: MOHD ZAMRI AZIZAN

Malaysia merekodkan kes penurunan kes COVID-19 sejak akhir-akhir ini apabila mencatat penurunan kes sejak Minggu Epidemiologi (ME) diperkenalkan dewasa ini untuk mengawal kes jangkitan di setiap pelusuk Malaysia secara mingguan. Penurunan demi penurunan kes ini dapat disaksikan setiap hari dengan kepaduan dan kelestarian para barisan hadapan (frontliners) yang bersungguh-sungguh mengawal selia kes-kes harian agar dapat mengekang jangkitan dari kembali meningkat. Kini Malaysia mula bernafas sedikit demi sedikit dan mencari semula rentak kehidupan yang telah hilang selama ini setelah menghadapi tempoh kesulitan dan kepayahan sejak kebelakangan ini.

Walaupun dijajahi dengan fasa-fasa pandemik yang amat kompleks namun Malaysia kini perlu menempuh kehidupan melalui norma baharu yang lain yang di sebut endemik. Endemik adalah satu situasi apabila suatu virus atau penyakit itu tetap wujud dalam masyarakat atau di sebuah tempat namun orang ramai perlu menyesuaikan diri dan belajar untuk hidup dengannya. Hal terpenting yang perlu dijadikan panduan tentang endemik ini ialah ianya tidak akan lesap justeru virus tersebut akan sentiasa berlegar setiap masa tetapi pada masa yang sama terdapat kemungkinan ia boleh merebak di luar jangkaan dan menjadi suatu epidemik jika tidak dibendung. Apabila Covid-19 mencapai tahap endemik, ini tidak bererti koronavirus tersebut semakin lemah tetapi tubuh manusia semakin kuat menentanginya kerana sistem imun tubuh kita lebih kebal dan terbiasa dengan virus ini setelah melalui peringkat-peringkat vaksinasi tertentu.

Situasi endemik yang dihadapi Malaysia dewasa ini adalah pada tahap sederhana dan semakin pudar dengan penurunan kes saban hari. Kes harian yang semakin menurun ke empat angka ini dilihat akan terus berkurangan melalui langkah-langkah proaktif dan pelan tindakan waras pihak terbabit dalam mengekang COVID-19 dari terus berleluasa. Setinggi penghargaan kepada barisan hadapan khususnya kerajaan Malaysia dan KKM (frontliner) serta pihak-pihak terbabit di atas sumbangan yang tidak berbelah bahagi demi memulihkan semula negara kita kembali pada landasan yang asal seperti sebelum ini.

Sebagai menghargai jasa-jasa serta pengorbanan negarawan dan barisan hadapan (frontliner) dalam merencana aspek pemulihan negara maka wujudlah satu kempen anti-covid dalam bentuk karya seni yang dihasilkan khusus melalui tema 'Tribute to Frontliners'. Hasilan karya-karya seni yang asli ini telah digarap secara kreatif oleh sekumpulan pelajar semester 01 Diploma Seni Reka Grafik & Media Digital yang lepas di mana kumpulan ini sangat beriltizam dan ingin turut sama berkempen



menentang virus tegar ini disamping sebagai ucapan terima kasih yang tidak berbelah bahagi kepada para barisan hadapan (frontliners) dan ikon negara di atas sumbangan yang diberikan selama ini.



Teknik penghasilan karya-karya ini lebih tertakluk kepada eksperimentasi dan eksplorasi tekstur demi untuk mencapai satu pendekatan seni yang berbeza. Tiada kesan pelukisan atau sapuan warna media kering atau basah pada karya-karya ini melainkan teknik lekatan yang berupa kolaj semata-mata. Sedikit kesan bas-relief pada sesetengah paparan karya adalah merupakan satu percubaan ekspresi yang berlainan pada imejan-imejan khusus yang ingin ditekankan dalam karya agar dapat memberi kesan yang lebih dramatik untuk dihayati. Aplikasi elemen warna juga dititikberatkan agar tidak berlaku keralatan dalam mentakrif sesuatu maksud. Warna-warna kontra dilihat sebagai satu yang dominan pada setiap karya agar



memberi jiwa dan persepsi yang berbeza untuk tatapan umum. Secara keseluruhannya pernyataan seni melalui olahan komposisi teratur yang disulami dengan teknik yang jarang digemari seperti kolaj ini adalah bertujuan untuk



memberi pendedahan aspek teknik dan permukaan yang berkepelbagaian sebagai wadah seni yang berbeza dalam penghasilan karya.



Justeru eksperimentasi terhadap paparan teknik kolaj yang dipresentasikan melalui karya-karya pelajar ini dilihat mencapai satu objektif yang bernas terhadap penemuan ilmu baru dalam seni disamping visi untuk menghargai sumbangan besar negarawan dan barisan hadapan (frontliners) telah tercapai dan dapat dizahirkan dengan sempurna dalam bentuk olahan teknik seni yang diwujudkan semula yang hanya akan muncul buat kesekian kalinya sahaja di era virus ini.





Tajuk : KARYA LUAR JANGKA menggunakan Aplikasi Mirror Lab

Penulis : Mohd Hamidi Adha Mohd Amin



Icon Aplikasi Mirror Lab

PENGGUNAAN telefon pintar pada hari ini sudah dianggap sebagai barangan 'keperluan' kerana ia bukan saja medium komunikasi, sebaliknya menjadi tempat untuk mengetahui maklumat semasa, produktiviti tugas harian selain komunikasi antara individu sehingga kepada kelompok besar. Selain itu juga, ia tidak dinafikan bahawa telefon pintar ini

memudahkan serta meluaskan jaringan komunikasi. Jika beberapa dekad lalu, telefon hanya untuk panggilan saja, kini menerusi telefon kita boleh melaksanakan persidangan video, menghadiri seminar atas talian dan pelbagai kemudahan lain lagi.

Selain itu juga, dengan peningkatan daripada segi spesifikasi hardware telefon pintar, pelbagai perisian boleh berjalan dengan lancar. Oleh yang demikian, perisian berbentuk grafik mendapat tempas yang positif, di mana para karyawan mula mengeksplorasi dalam menghasilkan karya yang berbentuk seni virtual dengan menggunakan kelebihan perisian grafik yang boleh didapati di platform Google Play secara percuma. Pelbagai perisian yang berbentuk eksploitasi gambar dapat dimuat turun dan bergantung kepada kreativiti pengguna dalam menghasilkan sesuatu karya yang berlainan dan unik.

Merujuk kepada tema "Discover" pada kali ini, penulis ingin berkongsi satu perisian yang menarik berbentuk eksploitasi gambar iaitu aplikasi Mirror Lab. Perisian ini memberi peluang dan kebebasan kepada pengkarya dalam mencari dan membuka satu lembaran karya yang luar jangka berdasarkan gambar yang diambil menerusi kamera. Oleh itu, menambahkan lagi fenomena "suprising artwork" kepada hasil akhir karya.




Gambar Asal



Gambar setelah dilakukan eksploitasi

Berikut adalah kaedah penggunaan aplikasi Mirror Lab dalam menghasilkan karya luar jangka.



Langkah 1 : Muat Turun dan Klik aplikasi Mirror Lab



Langkah 2 : Klik "Gallery" dan pilih gambar



Langkah 3 : Paparan aplikasi, Pengguna boleh klik "Preset"



Merujuk kepada kaedah penggunaan aplikasi Mirror Lab di atas, kita dapat melihat karya disebalik gambar, di mana di setiap gambar asal yang ditangkap tersembunyi pelbagai reka corak dan bentuk. Berikut antara contoh karya luar jangka daripada karyawan Mohd Hamidi Adha Mohd Amin.



Unexpected – Kamsung Series



Another Dimension-Bukit Bendera Series

Oleh itu, jika dieksploitasi dengan betul, muncul corak-corak yang luar jangka yang cantik dan unik. Dengan adanya perisian-perisian begini, karyawan pada masa kini tidak akan hanya tertumpu kepada medium pensil, cat warna atau medium lain, tetapi lebih meluas kepada medium digital.

FENOMENA PAKAIAN BUNDLE ATAU THRIFT SHOPPING

Di Malaysia

OLEH NORMAZIANA HASSAN

Fenomena bundle boleh dikatakan agak 'trending' pada masa kini dan pertumbuhan kedai-kedai *bundle* ini diibaratkan seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Kita dapat melihat di merata tempat, amat mudah untuk kita temui kedai-kedai *bundle* samada di kawasan bandar atau di kawasan luar bandar.

Penerimaan masyarakat terhadap pakaian bundle juga adalah semakin baik. Kalau dahulu, segelintir masyarakat mempunyai pandangan yang agak 'double standard'. Artikel ini akan mengupas serba sedikit tentang teori 'perbundle-an', sejarah atau scene bundle di Malaysia, dan bagaimana evolusi *bundle* berlaku.

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat carian perkataan 'bundle' tidak memberi apa-apa maksud dalam Bahasa Malaysia. 'Bundle' sebenarnya diambil daripada perkataan Inggeris yang memberi maksud ikatan atau pun bungkusan. Perkataan "berikat" ialah istilah industri, merujuk kepada cara pakaian dibungkus dalam karung guni, yang mungkin mengandungi pelbagai jenis jeans, baju, seluar pendek atau blaus dengan gred yang berbeza-beza dengan harga yang berpatutan. Istilah ini merujuk kepada kedai yang menjual pakaian yang dibuang oleh pemakainya dan kemudian disimpan untuk dijual semula.

Terdapat empat gred barangan "berikat" - kepala, badan, ekor dan sampah. Untuk gred kepala, ada antaranya terdiri dari barangan berjenama dapat dikesan, dan ada juga empat keping pakaian boleh dijual pada harga RM 10 dalam gred sampah. Jika tidak, harga purata pakaian boleh bermula dari harga RM 10 untuk sepasang seluar jeans, dan RM 5 untuk baju. Pada satu ketika dulu, trend pembelian pakaian bundle ini adalah untuk memenuhi keperluan pengguna daripada golongan berpendapatan rendah. Sasaran awal pasaran adalah untuk pekerja binaan atau buruh yang mencari pakaian kerja murah, tetapi industri bundle kini telah menjadikan trend bundle ini sebagai satu lubang emas perniagaan, terutamanya bagi mereka yang mengumpul pakaian vintaj.

Berdasarkan maksud tersebut, bolehlah kita membuat andaian bijak bahawa ia adalah pakaian-pakaian yang telah dibungkus atau diikat. Menurut pandangan peribadi penulis yang menggunakan teori bijak pandai, proses bermula dengan pakaian dibungkus, kemudian di 'compress' dan akhir sekali diikat. Inilah yang dikenali sebagai guni ataupun 'tokol' secara amnya di kalangan penggiat tegar serta



profesional di dalam profesion perniagaan bundle.

Pakaian-pakaian yang dibungkus serta diikat ini, kebanyakannya adalah dari luar negara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Pakaian-pakaian ini dijual secara pukal oleh pembekal luar negara dan dibeli oleh pembekal di Malaysia untuk pasaran tempatan. Secara umumnya, masyarakat beranggapan pakaian bundle adalah pakaian yang telah dipakai ataupun terpakai, tetapi tahukah anda sebenarnya tanggapan ini adalah tidak tepat. Ironinya, pakaian bundle juga merangkumi pakaian baru yang kebanyakan merupakan barangan 'reject', stok lama untuk dilupuskan, dan juga lebih pakaian yang dicetak khas untuk majlis atau upacara tertentu.



Foto ihsan; *The Patriot*

Sehingga tahun 2019, terdapat peningkatan pelbagai variasi jenis kedai bundle di Malaysia. Pada masa kini, ada peniaga bundle yang menjual barangan terpakai mereka di pasar malam secara mobile menggunakan kenderaan van dan ada peniaga yang menjual pakaian bundle di kedai yang berkonsep high-end.

Sebahagian usahawan muda yang telah berkecimpung dalam perniagaan bundle sejak sedekad yang lalu, telah dapat mengembangkan perniagaan mereka dari gerai pasar malam kepada syarikat pakaian bundle dengan beberapa cawangan di seluruh negara. Menurut usahawan ini, pakaian bundle itu datang dari Jepun, Korea, Singapura, Kanada dan USA. Rangkaian kedai bundle ini

Kedai bundle Malaysia dipercayai mula ditubuhkan di Jalan Tuanku Abdul Rahman, yang juga dikenali sebagai "Pusat Bundle Kuala Lumpur". Perniagaan bundle itu dipercayai dipelopori oleh orang Melayu pada tahun 1970-an, dan perniagaan ini diperkembangkan oleh pendatang asing dari Indonesia, Bangladesh, dan juga Pakistan pada 1980-an, di lokasi berhampiran Jalan Chow Kit. Ada beberapa kedai bundle yang terkenal dan masih wujud di Malaysia yang telah beroperasi sejak tahun 1980-an. Peniaga bundle ini menjual barangan berjenama, istimewa dan barangan vintaj, stok yang berlebihan, serta potongan dan gaya malar hijau daripada jenama denim klasik yang terkenal.



Foto ihsan: Muhammad Zulsyamini Sufian Suri

menjuruskan kepada penjualan pakaian dan aksesori "pre-loved", atau terpakai yang terdiri daripada label pakaian sukan antarabangsa. Ada juga kedai bundle yang berkonsepkan jimat-cermat dan berorientasikan kepada kerja-kerja amal kebajikan. Perniagaan ini dikendalikan secara langsung oleh badan amal kebajikan itu sendiri, atau dijalankan sebagai perusahaan sosial oleh syarikat besar.

Akhir sekali, terdapat kedai vintaj mewah dan dipilih susun yang hanya berurusan dengan jenama berjenama untuk orang ramai yang celik fesyen, terletak di kawasan yang lebih mewah. Pakaian bundle juga dijual dalam talian. teorinya mampu dimiliki oleh semua kelas sosial.

Info dan cara pemilihan baju 'bundle' bagi mereka yang berminat:

- Tiada tulang, dua atau tiga kain, satu jahit dan kepala kain antara istilah digunakan bagi menilai kualiti pakaian bundle.
- Bundle mempunyai grad harganya tersendiri dari serendah RM1 sehingga ke ribuan ringgit.
- Ada pakaian yang import daripada luar negara seperti Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain.
- Permintaan terhadap pakaian bundle tidak bermusim, sebaliknya sentiasa meningkat dari semasa ke semasa.
- Selam, satu perkataan yang digunakan oleh peminat bundle ketika memilih pakaian kegemaran.
- Bagi membezakan asli atau sebaliknya, lihat jenis kain dan tanda nama kerana ia disertakan nombor siri.

Rujukan

Chen. G., 2012. Bundles of opportunity. The Star Online. Isnin, 12 November. <https://www.thestar.com.my/news/community/2012/11/12/bundles-of-opportunity> [29 February 2020].

Nadia Badarudin., 2016. Smart thrift shopping. New Straits Times. 5 Oktober, <https://www.nst.com.my/news/2016/10/178197/smart-thrift-shopping> [29 February 2020].

Khalid Latip., 2017, Pakaian bundle 'sembunyi' harta karun, Berita Harian, 10 Mac, <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/03/257987/pakaian-bundle-sembunyi-harta-karun> [10 Mac 2017].

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri., 2017, Jual bundle tanggung bapa lumpuh, abang hilang ingatan, 14 September, <https://www.bharian.com.my/bisnes/usahawan/2017/09/325585/jual-bundle-tanggung-bapa-lumpuh-abang-hilang-ingatan> [14 September 2017].

Muhafandi Muhamad, 2021, Jumlah anak muda jual 'bundle' dalam talian meningkat semasa PKP, 6 Jun, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jumlah-anak-muda-jual-bundle-dalam-talian-meningkat-semasa-pkp-301804> [6 Jun 2021].

'Jangan anggap barang 'bundle' tiada nilai', 10 November 2021 03:05 pm. <https://www.sinarharian.com.my/article/171534/bisnes/jangan-anggap-barang-bundle-tiada-nilai>

LAYAR: MEJA MEWARNA BATIK

Galeri Batik Merbok

Penulis: Abu Hanifa Ab. Hamid

Rekabentuk yang ikonik mempunyai sejarah tersendiri. Sesetengah rekaan juga menjadi lebih ikonik kerana ciri-ciri rekaannya yang tersendiri, menjadikan ia mudah untuk di ingati sebagai rekabentuk ikon atau pencetus.

Layar adalah meja mewarna batik yang di rekabentuk oleh pelajar tahun akhir Diploma Seni Reka Perindustrian, iaitu Rusediana Puteri Ainaa Izzati binti Ahmad Saifuddin di bawah seliaan oleh pensyarah, En. Abu Hanifa Ab.Hamid. Rekaan beliau adalah di inspirasikan dari rupa dan reka bentuk objek – objek yang signifikan dari segi rekaan dan struktur dalam masyarakat Malaysia iaitu Wau, Sampan dan Takraw. Walaubagaimanapun, Sampan adalah inspirasi utama kepada rekaan struktur meja Layar ini. Ia juga direka khas berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pelajar tersebut tentang aktiviti “Jom Mewarna Batik” oleh Batik Merbok, UiTM Kedah.



Kelebihan rekaan meja ini adalah keluasan permukaan untuk aktiviti mewarna batik pada meja tersebut boleh ditambah dengan cara menarik papan panel pada permukaan meja tersebut. Kelebihan ciri ini menjadikan meja tersebut boleh digunakan secara maksimum, iaitu dari 2 orang kepada 4 orang dalam satu masa aktiviti mewarna batik. Selain itu, walaupun terdapat dua saiz bingkai batik untuk aktiviti tersebut, meja tersebut masih selesa digunakan oleh empat orang secara serentak menggunakan saiz maksimum bingkai batik yang disediakan. Ketinggian meja tersebut adalah berdasarkan ketinggian yang ergonomik untuk melakukan aktiviti mewarna batik secara berdiri. Meja tersebut juga mempunyai ruang simpanan untuk bingkai batik yang diperlukan.

Oleh kerana fungsi dan rekaannya, meja ini masih kekal relevan walaupun telah 4 tahun di reka oleh pelajar tersebut, aktiviti “Jom Mewarna Batik” masih menggunakan meja Layar ini sebagai platform untuk aktiviti tersebut

ESTETIKA : NILAI OBJEKTIF DAN SUBJEKTIF DALAM FALSAFAH SENI

Penulis: Mohamat Najib Mat Noor

Estetika merujuk kepada teori keindahan yang merupakan teras di dalam falsafah seni. Teori keindahan ini mencakupi semua aspek, dimensi, peringkat, manifestasi dan interpretasi. Dari bermulanya sesebuah kehidupan atau jasmani, ianya akan berakhir kepada sesuatu Yang Maha Indah. Permulaan dan pengakhirannya, mempunyai hubungan rapat dengan sang penciptanya.

Cendekiawan Islam, Imam Al-Ghazali dalam kitabnya Ihya Ullumuddin menyatakan bahawa 'Allah itu indah dan Dia sukakan akan keindahan'. Manakala ahli falsafah Yunani Plato menyatakan, "Beauty is the splendor of the true". Ungkapan Plato ini, ditegaskan di dalam Islam bahawa keindahan itu tidak dapat dipisahkan dengan kebenaran. Yang indah itu adalah indah, sebagaimana Islam itu sendiri menzahirkan status keindahan kepada objektif.

Walaupun bagaimanapun, keindahan juga dapat dinilai secara subjektif. Sepertimana ungkapan, "Beauty is in the eye of the beholder". Namun demikian, ungkapan ini secara tradisinya tidak bermakna keindahan itu tidak bersifat objektif. Ianya membawa maksud, nilai hubungan antara satu sama lain sama ada di dalam bentuk karya seni ataupun penghargaan yang diterima oleh individu itu sendiri yang menilai dan dinilai.

Dengan adanya teori-teori estetika yang diketengahkan di dalam kehidupan, justeru kepelbagaiannya boleh dilihat dalam segenap lapisan masyarakat budaya, agama dan bangsa.

NOVELTY VALUE

Through The Aesthetics Of Car Design

By: Muhamad Aiman Afiq Mohd Noor



'Aesthetics' derives from the Greek term *aesthesis*, which refers to awareness and sensory experience or sensual knowledge. The philosopher Baumgarten took up the word in the eighteenth century and modified its definition into stimulation of the senses or sensuous joy (Goldman, 2001). Since then, the term has been extended to every type of artistic experience, such as aesthetic judgement, aesthetic mood, aesthetic understanding, aesthetic feeling, and aesthetic meaning. Both are considered part of the artistic experience, and while we can also aesthetically experience nature or humans and products (car design), the term is most applied in reference to the arts, especially visual art.

A recent study showed that more affective responses were triggered by items with high levels of product novelty (Radford & Bloch, 2011). The opposite effect is seen in some instances, however, and designs with a more novel, distinctive appearance appear to be more effective (Bianchi, 1998; Simonson & Nowlis, 2000). This suggests that a simple linear gradient from novel to typical does not suffice to explain these effects.

Aesthetics are considered to play a major role in the effective consumption of goods. Audi notes that up to 60 percent of the decision of a customer to buy a car is focused on its product design. Aesthetics can affect market judgment in the same way that branding can. Brand expectations of a product impact the consistency and general desirability of a product and are often extracted from the appearance of the product. (Ranscombe, C., 2011). Aesthetics are one of the most important considerations in the design of cars. Despite this, the assessment of the aesthetic qualities of the design of a vehicle is always based on the previous experience and training of the designer and the notion of intuition of the designer.

Pleasure, fear, anger, euphoria, pain, envy is an emotional reaction to cars and driving experiences are central to human investments in buying, driving, and dealing in cars. Car makers, of course, manipulate brand interest by the emotional appeal of their promotional campaigns but the 'thrill' of driving the 'love' of the road, the 'passion' of the collector, the nostalgia for retro styles are not merely lexicons of the advertising imagination. In conclusion, Malaysia car design practice should explore more on the novelty value of the aesthetic in car design as it becomes a demand to consumer and the industry.